



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **RUMAHPRIHATIN@GRANDSEASONS MULA BEROPERASI HARI INI**

Inisiatif RumahPrihatin@GrandSeasons atau Rumah Prihatin akan memulakan operasi hari ini. Rumah Prihatin merupakan satu lagi inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang diwujudkan bagi membantu warga Wilayah Persekutuan yang terkesan akibat Covid-19 khususnya kepada golongan miskin bandar di Wilayah Persekutuan. Operasi Rumah Prihatin akan dilaksanakan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama dan sokongan sukarelawan, persatuan, organisasi korporat dan NGO.

ENAM (6) komponen utama perkhidmatan “WE CARE” yang ditawarkan buat permulaan ini adalah

- (i) “Dapur Prihatin” (DP) - Dapur berpusat untuk menyediakan pek makanan percuma kepada golongan gelandangan, fakir miskin, petugas barisan hadapan, musafir dan golongan yang tidak berkemampuan. Di peringkat permulaan ini, sebanyak 1,000 pek makanan dimasak akan disediakan sehari. Seramai 15 orang pekerja termasuk tukang masak dan pembantu tukang masak akan mula beroperasi seawal 6 pagi hingga 6 petang. Dapur Prihatin ini akan beroperasi tiga kali sehari untuk edaran makanan sarapan yang akan bermula pada 10.30 pagi – 11.30 pagi. Bagi makan tengahhari pula orang ramai boleh hadir untuk mendapatkan makanan mereka bermula pada 12.30 tgh – 1.30 petang manakala bagi makan malam bermula pada jam 5.00 petang hingga 6.00 petang. Menu makanan akan ditukar setiap bulan dan keutamaan akan diberikan kepada menu yang sihat dan seimbang.
- (ii) “Food Bank” - Pemberian bantuan makanan kering kepada golongan rentan yang memerlukan bantuan. Bantuan ini adalah hasil sumbangan daripada syarikat korporat dan individu yang prihatin.
- (iii) “Bilik Penginapan Prihatin” (BPP) – Mempunyai 300 bilik penginapan hotel bagi membantu meringankan kesulitan golongan musafir, pekerja barisan hadapan, atau mana-mana pihak yang memerlukan tempat penginapan sementara dan hanya membayar berdasarkan harga mampu bayar dari RM30 semalam. Program BPP ini merupakan satu inisiatif dibawah Rumah Prihatin yang menawarkan khidmat penginapan sementara dengan kadar mampu bayar yang bermula dari RM30 satu malam. Sebagai permulaan pada hari ini sebanyak 75 bilik telah dibuka.

(iv) “Khidmat Kesihatan Mental Prihatin” (KKMP) – Khidmat kesihatan mental di RumahPrihatin dan kaunseling yang dilaksanakan secara perseorangan dan kerahsiaan peribadi adalah satu inisiatif baharu untuk membantu warga Wilayah Persekutuan yang sedang melalui tekanan hidup akibat pandemik Covid-19. Khidmat kesihatan mental yang dibuat dengan kerjasama pelbagai NGO dan profesional-profesional kesihatan mental pelbagai tahap dari kaunselor, ahli psikologi, hinggalah ke pakar psikiatri mengikut keperluan rakyat. Khidmat ini menyediakan perkhidmatan seperti kaunseling individu, kaunseling keluarga, kaunseling kewangan, terapi seni, terapi rohani dan sesi Ruqyah, sesi bimbingan, kaunseling atas talian, dan kumpulan sokongan.

Khidmat kesejahteraan mental juga secara atas talian bersama kaunselor-kaunselor berdaftar yang diketuai oleh Dr. Norhayati Omar, terdapat juga kaunselor mandarin dan tamil. Perkhidmatan kaunseling ini juga akan turut dibuat secara virtual menggunakan live Facebook yang akan ke udara setiap hari Isnin pada pukul 4 petang bersama Dr. Hazli Zakaria, Pakar Psikiatri Alaminda dan tetamu-tetamu kaunselor lain, yang akan membincangkan pelbagai topik semasa berkenaan dengan kesihatan mental.

(v) “Khidmat Vaksinasi Prihatin” (KVP) – perkhidmatan vaksinasi juga dijalankan untuk peniaga, penjaja, golongan yang kurang upaya, gelandangan, mereka yang memerlukan bantuan khas, mereka yang kurang tumpuan dalam masyarakat dan juga sesiapa yang belum divaksin supaya warga Wilayah tiada yang ketinggalan dalam suntikan vaksin. Pusat ini mampu menempatkan lebih 800 orang pada satu masa dengan penjarakan sosial. Buat masa ini perkhidmatan vaksinasi secara mobil dilaksanakan melalui program MyMedic@Wilayah yang membenarkan pemberian 600 dos vaksin setiap hari. Program ini akan dijalankan berterusan sehingga semua warga Wilayah divaksin.

(vi) “Pusat Gerakan Jejak Prihatin” (PGJP) – Mengerakkan 4,000 sukarelawan Wilayah Prihatin atau dikenali sebagai Prihatin Volunteer (PriVo) bersama-sama Majlis Perwakilan Penduduk, AJK Surau Masjid, Persatuan Penduduk dan NGO-NGO untuk turun padang, menjejak dan menyantuni rakyat di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi menjejaki golongan miskin tegar dan miskin bandar yang memerlukan bantuan makanan, kebajikan, kesihatan, termasuk kesihatan mental dan kerohanian dalam kalangan warga kota yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Pusat Gerakan Jejak Prihatin ini akan menjejaki 15,000 termasuk 3,853 keluarga miskin tegar di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat dan memberikan sumbangan boleh:

- (i) melayari laman sesawang [www.yayasanwp.org/rumahprihatin](http://www.yayasanwp.org/rumahprihatin)
- (ii) e-mel ke [rumahprihatin@yayasanwp.org.my](mailto:rumahprihatin@yayasanwp.org.my)
- (iii) hubungi helpline di talian 01171107898
- (iv) Dapur Prihatin di talian 011-70742927
- (v) Bilik Penginapan Prihatin di talian 011-70736458
- (vi) Khidmat Kesihatan Mental Prihatin di talian 011-70738412
- (vii) Khidmat Vaksinasi Prihatin di talian 011-70742318
- (viii) Pusat Gerakan Jejak Prihatin di talian 011-70738633

Kementerian berharap inisiatif yang dijalankan dengan kerjasama YWP, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Hotel Pulse Grande, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan, Yayasan Persahabatan Malaysia (PERMAI), Yayasan Kemiskinan Kelantan, Pertubuhan Muafakat Nasional, PriVo dan lain-lain ini dapat membantu dalam mengkoordinasikan penyaluran bantuan serta perkhidmatan di RumahPrihatin@GrandSeasons yang lebih berkesan. Semoga inisiatif ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam membaikpulih keadaan darurat kesihatan, ekonomi, mental dan fizikal rakyat yang begitu terkesan akibat pandemik Covid-19.

**“Perangi Covid-19: Tingkatkan Usaha, Menang Bersama”**

**TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**15 Julai 2021**